

Alumni UiTM gesa Najib kaji semula konsesi berat sebelah kepada Umno

Malaysian Insider

June 23, 2014

Oleh Mohd Farhan Darwis

Alumni Universiti Teknologi Mara (UiTM) daripada Pakatan Rakyat (PR) menyeru Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengkaji semula konsesi melalui Inisiatif Pembinaan Swasta (PFI) universiti itu kerana kluatir dengan bentuk "penswastaaan" yang akan menghancurkan universiti tersebut.

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang mertangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Seberang Jaya, Dr Afif Bahardin berkata, pihaknya kecewa Umno menggunakan UiTM untuk kepentingan kroni mereka sedangkan parti Melayu itu sering melaungkan mereka adalah perjuangan kepentingan Melayu.

"Kami merasa gusar dengan masa depan UiTM kerana bentuk 'penswastaaan' ini akhirnya bakal merugikan kerajaan dalam jangka masa panjang dan menyebabkan kos penyelenggaraan terpaksa ditanggung UiTM dan akhirnya kos lebihan ini terpaksa ditanggung pelajar UiTM," katanya pada sidang media di ibu pejabat PKR, Petaling Jaya hari ini.

Pada sidang media yang turut dihadiri Adun Batu Caves Amirudin Shari dan setiausaha politik kepada Lim Kit Siang, Dyana Sofya Mohd Daud itu, Afif berkata, sudah banyak konsesi perjanjian yang dikeluarkan Umno dan Barisan Nasional (BN) akhirnya dipergunakan sebagai satu sumber untuk syarikat Umno atau berkaitan dengan individu berkaitan Umno untuk mengaut keuntungan dan kekayaan.

"Kali ini lebih memalukan apabila kerajaan Umno sanggup menggunakan UiTM, salah satu institusi terulung Bumiputera untuk tujuan itu," katanya.

"Kami selaku alumni UiTM merasa sedih dan kecewa," katanya.

Pengarah strategi PKR Rafizi Ramli minggu lalu membuat pendedahan beberapa konsesi UiTM terutamanya di Melaka, Negeri Sembilan dan Pasir Gudang yang membabitkan beberapa pemimpin Umno.

UiTM dalam satu kenyataan bagaimanapun berkata, kaedah konsesi pembinaan UiTM melalui PFI memmberikan keuntungan kepada universiti Bumiputera itu ekoran tidak menanggung risiko terhadap bangunan.

Afif berkata, bagi mengubah sistem yang korup, reformasi menyeluruh wajib berlaku dalam kerajaan.

"Sistem tender terbuka yang telus wajib diperkenalkan terutamanya yang melibatkan projek kerajaan dan perbelanjaan dana awam.

"Penghapusan rasuah disetiap peringkat juga adalah langkah untuk mengembalikan negara ini di landasan yang betul.

"Selaku alumni UiTM, tidak sanggup melihat UiTM tergadai kerana syarikat-syarikat konsesi ini hanya kerana kerakusan pimpinan Umno yang ingin cepat kaya dan mengaut keuntungan atas keringat rakyat," katanya.

Dyana Sofya berkata, rakyat seharusnya mengecam kepimpinan Umno yang hanya mementingkan kroni semata-mata.

"Ini satu bentuk pengkhianatan terhadap Bumiputera dan UiTM yang dilakukan pemimpin BN yang kononnya memperjuangkan hak dan kepentingan orang Melayu.

"Saya percaya rakyat Malaysia melihat perkara ini dan mengecamnya, sepatutnya pemimpin BN perlu memperkasakan UiTM bukan hanya mementingkan keuntungan kroni," kata Dyana Sofya pada sidang media itu.
- 23 Jun, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/alumni-uitm-gesa-najib-kaji-semula-konsesi-berat-sebelah-kepada-umno>